



20 Aug 2015

Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Fiesal Othman • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Audience : 314,000 • Page: 5 • Printed Size: 240.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia
ASR: MYR 1,057 • Words: 465 • Item ID: 452455239



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Untung MSM naik 11.5 peratus

» Pengeluar gula peroleh RM195.8 juta sebelum cukai

Oleh Ahmad Fiesal Othman

MSM Malaysia Holdings Bhd mencatat keuntungan sebelum cukai RM195.8 juta bagi setengah tahun pertama berakhir 30 Jun 2015, meningkat 11.5 peratus berbanding RM175 juta pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Dalam tempoh dikaji, pengeluar gula diproses terbesar negara itu merekodkan pendapatan RM1.07 bilion berbanding RM1.094 bilion pada tempoh sama 2014.

Bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2015, ia mencatat keuntungan sebelum cukai RM105.5 juta, peningkatan 2.5 peratus daripada RM102.9 juta sebelumnya manakala pendapatan susut 1.2 peratus kepada RM588.3 juta daripada RM595.4 juta.

Prestasi kewangan kukuh itu

terutama didorong penurunan kos jualan, sekali gus menyumbang kepada inisiatif penjimatkan kos dan pengoptimuman kos keseluruhan syarikat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata syarikat yang mengendalikan perniagaan gula milik FELDA Global Ventures Holdings Bhd kekal menguasai 64 peratus pasaran gula tempatan.

Beliau berkata, melangkah ke hadapan, MSM berhasrat mengukuhkan pasaran serta tumpuan terhadap pelanggan bagi membolehkannya terus berkembang dalam perniagaan teras serta pembangunan global.

“Pasaran serantau yang banyak menggunakan gula serta

negara yang berkembang pesat adalah sasaran kami bagi menjalin kerjasama atau perkongsian yang lebih bersinergi,” katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur, semalam.

Rundingan ambil alih syarikat luar

Sementara itu, Sheikh Awab berkata, MSM sudah mencapai kemajuan sehingga 40 peratus dalam rundingan untuk mengambil alih sebuah syarikat gula luar negara dalam usaha menjadi antara tiga peneraju industri gula ASEAN menjelang 2020.

Katanya, usaha itu sebahagian strategi syarikat untuk mengeasai rantai pengeluaran daripada aktiviti pemprosesan, huluan hingga ke hiliran.

“Ia juga bagi mengembang-

kan asas pendapatan syarikat, terutama ketika berdepan persekitaran mencabar seperti kejatuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) yang boleh menjadikan operasi,” katanya.

Dalam pada itu, Sheikh Awab menjelaskan pembangunan kilang penapisan baharu MSM di Tanjung Langsat, Johor yang dijangka beroperasi pada 2017, sedang berjalan lancar dan kini menanti kelulusan lesen daripada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

“Pembinaan kilang itu dijangka dimulakan September ini dan dijangka siap dalam tempoh 20 hingga 22 bulan,” katanya.



20 Aug 2015

Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Fiesal Othman • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Audience : 314,000 • Page: 5 • Printed Size: 240.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia
ASR: MYR 1,057 • Words: 465 • Item ID: 452455239



iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

"MSM berhasrat kukuhkan pasaran serta tumpuan terhadap pelanggan bagi terus berkembang dalam perniagaan teras serta pembangunan global"

Sheikh Awab Sheikh Abod,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM